

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH**  
**TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KARNIVAL FTMK 2016**

**PENTAS UTAMA PERKARANGAN LOBI**  
**FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)**  
**UTEM**  
**27 APRIL 2016 (RABU)**

Terima kasih kepada saudara/ saudari Pengerusi Majlis. Bismillahirrahmanirrahim.

**YBHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB@SAHIBUDDIN**  
Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM);

**YBHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);

**YBHG. PROF. MADYA DR. IZAIDIN BIN ABDUL MAJID**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar);

Pegawai-pegawai kanan, Dekan-dekan, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar dan Barisan EXCO MPP;

Barisan kepimpinan pelajar dan seterusnya para mahasiswa yang saya hormati sekalian.

Assalammualaikum W.B.T, Salam 1 Malaysia, Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 752 Tahun. Salam Melaka Maju Fasa Kedua, Berkat, Cepat, Tepat.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Karnival Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) 2016** ini. Saya ingin

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kerana telah menjemput saya pada hari ini untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan **Karnival FTMK 2016**. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana dapat meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan lagi majlis pada pagi ini.

*Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,*

2. Seperti semua sedia maklum, **Karnival FTMK 2016** ini adalah merupakan sebuah program mega yang dianjurkan buat julung kalinya oleh **Persatuan Pelajar FTMK (FICTS)**. Saya telah dimaklumkan bahawa penganjuran karnival ini adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi UTeM untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan bagi membina pembangunan insaniah seiring dengan pembangunan sahsiah dan akademik mereka.

3. Saya percaya program seumpama ini adalah merupakan platform yang terbaik bagi memperkasa aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kebolehcapaian dan ekuiti pengajian tinggi terutamanya dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan selain untuk membangunkan masyarakat Malaysia yang berilmu serta berpengetahuan tinggi. Saya amat berkeyakinan bahawa dengan usaha yang berterusan dan kerjasama yang erat antara Fakulti dengan pihak pengurusan UTeM dalam merealisasikan penganjuran karnival ini, ianya amat signifikan demi melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran, berintegriti, beretika tinggi, berkualiti serta berdaya saing yang akan menjadi pemangkin bagi memacu pembangunan negara ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020 kelak.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

4. Syabas dan tahniah kepada semua ahli Jawatankuasa Karnival FTMK 2016 atas komitmen dan kesungguhan mereka dalam menjayakan karnival ini. Saya menyambut baik ukhuwah serta muafakat yang padu di kalangan para mahasiswa UTeM yang amat besar ertinya

ini. Kejayaan penganjuran program ini adalah merupakan manifestasi daripada semangat setiakawan, muafakat dan kesungguhan yang jitu dan ianya dikongsi secara bersama demi mencapai suatu matlamat yang merupakan suatu pencapaian yang amat dibanggakan.

5. Justeru, saya amat berharap agar semangat muafakat ini akan dapat digabung jalankan dalam amalan kita sehari-hari bagi mencapai matlamat dan tujuan yang senada iaitu untuk memajukan dan memakmurkan negeri kita bagi kesejahteraan rakyat. Bak kata peribahasa “Muafakat Membawa Berkat”, setiap tugas yang dipertanggung jawabkan perlu dilakukan dengan niat yang ikhlas dan disulami dengan semangat muafakat, suatu kejayaan itu adalah pasti.

*Para hadirin sekalian,*

6. Saya amat gembira kerana terdapatnya penyertaan oleh agensi Kerajaan dan swasta sebagai bukti sokongan padu mereka terhadap penganjuran program seumpama ini. Saya percaya pihak penganjur mempunyai perancangan mereka yang tersendiri untuk menarik penyertaan peserta dan pengunjung dalam penganjuran karnival pada masa hadapan demi memastikan program ini akan menjadi suatu acara yang ditunggu-tunggu oleh seluruh warga UTeM kerana banyak manfaat yang boleh diperolehi.

7. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas sekali lagi kepada semua pihak yang telah terlibat dalam **Karnival FTMK 2016** ini demi memastikan karnival ini akan berlangsung dengan jayanya. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan menerima ilmu pengetahuan serta input-input yang baharu. Semoga Allah S.W.T akan memberkati segala usaha murni yang telah dicurahkan ini.

8. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Karnival FTMK 2016** ini. Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabaraktu.

Sekian, terima kasih.